

# Larikan Lamborghini tanpa bayar

# Sultan cemar

B.H. 31 MAR 1992

Oleh Aminuddin Ibrahim

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini berkata martabat raja-raja dengan sendirinya tercemar jika mereka melanggar undang-undang.

Sehubungan itu, beliau berkata tindakan Sultan Kelantan melarikan kereta mewah jenis Lamborghini Diablo tanpa membayar duti import sekaligus menjatuhkan martabatnya sendiri.

Menurutnya, isu itu tidak sepatutnya heboh jika tidak kerana Kerajaan Kelantan cuba mempertahankan sesuatu yang tidak betul dengan mengatakan umumnya kerajaan negeri itu membenarkan raja membeli seberapa banyak kereta yang disukai.

Pada 19 Mac lalu, Sultan Kelantan bersama pemandunya yang dibenarkan memandu uji Lamborghini Diablo oleh pegawai kastam di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, melarikan kereta itu tanpa membayar duti import \$2.1 juta.

"Ini bukan hak kerajaan negeri menentukan. Sebaliknya, ia hak Kerajaan Pusat memutuskan sama ada kereta mewah yang dibeli Sultan Kelantan dikecualikan cukai.

"Bagaimanapun, Sultan Kelantan sendiri membuat pendirian dengan menasihatkan raja hanya tertakluk kepada etika al-Quran dan Hadis," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini petang ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kampung Bukit Tinggi, Kepala Batas, dekat sini.

Ketibaan Dr Mahathir disambut Menteri Besar

Kedah, Tan Sri Osman Aroff dan beberapa Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Mengulas sama ada isu Sultan Kelantan patut dihebohkan dalam media massa, beliau berkata perbuatan itu jelas tidak mengikut kod etika dan ia terpaksa dilulus oleh akhbar, jika tidak pihak akhbar sendiri dikecam.

Menurutnya, apa yang dilakukan kerajaan selama ini semata-mata mematuhi undang-undang dan mengikut peraturan.

Ditanya sama ada isu Sultan Kelantan turut dimasukkan dalam ciri-ciri Tatacara Perilaku yang sedang digubal, beliau berkata: "Kalau kena pada tempatnya, mungkin ia dimasukkan."

Bagaimanapun, Perdana Menteri membayangkan masalah itu boleh diselesaikan dengan mudah jika Sultan Kelantan bersedia menjelaskan duti import yang dikenakan terhadap Lamborghini itu.

Mengenai sama ada penawaran setiap terbitan saham baru kepada sultan sebagai satu dasar kerajaan, beliau berkata ia bukan dasar kerajaan, tetapi kerajaan menawarkannya kerana ada raja yang meminta.

"Untuk berlaku adil, kerajaan menawarkan semua tawaran saham terbitan baru kepada Sultan pada kadar sama rata," katanya.

Beliau mengulas langkakah Kerajaan Pusat menawarkan 100,000 lot saham Proton kepada Sultan Kelantan, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, walaupun Sultan Kelantan tidak memohon saham itu, kerajaan tetap menawarkannya sebagai tanda keadilan.

"Kerajaan tidak memilih sama ada raja menyokong kerajaan atau tidak, sebaliknya perlu ditawarkan pada kadar sama rata," katanya.

# martabat

cukai: Mahathir